

Tindakan Kecemasan semasa Serangan Peluru Balistik (Sekretariat kabinet)

Peluru berpandu balistik mencapai sasaran dalam sesaat sahaja. Jika serangan peluru berpandu muncul di Jepun, mesej khas akan berbunyi dengan siren daripada 'J-Alert'. Maklumat kecemasan pun akan dihantarkan oleh system e-mel kecemasan. (Ini adalah perkhidmatan daripada syarikat telefon. Dengan perkhidmatan maklumat ini, anda boleh menerima laporan gempa bumi kecemasan, amaran Tsunami, maklumat bencana/pemindahan walaupun talian telefon sibuk. Untuk memberitahu anda, telefon anda berbunyi khusus apabila menerima e-mel kecemasan. Anda tidak perlu mendaftar untuk menggunakan perkhidmatan ini.) Kerajaan juga akan memberitahu maklumat kecemasan terkini melalui surat khabar, rangkaian penyiaran, internet dan lain-lain.

Sila menonton TV, mendengar radio ataupun cara lain untuk mendapatkan maklumat kecemasan terkini.

① Segera meninggalkan tempat kecemasan

② Cepat kumpulkan maklumat yang tepat

* Ikut arahan kerajaan dan bertindak tenang

Cabinet Secretariat

Civil Protection Portal Site

http://www.kokuminhogo.go.jp/en/pc-index_e.html

(Bahasa Inggeris)

(contoh) Tinggalkan tempat kecemasan. Tinggalkan tempat kecemasan. Cari perlindungan. Masuk ke dalam bangunan. Peluru berpandu akan mendarat di kawasan ini.

Apabila mesej kecemasan sampai, Ambil tindakan segera dengan tenang.

Jika anda di luar, masuk ke dalam bangunan yang kukuh ataupun tingkat bawah tanah, contohnya, pusat membeli-belah bawah tanah.

Jika tiada bangunan yang dekat, sila sembunyi di balik objek atau berbaring dengan menghadap bawah sambil melindungi kepala anda.

Jika anda di dalam bangunan, jauhkan diri anda daripada tingkap ataupun pergi ke dalam bilik yang tiada tingkap.

Jika peluru berpandu sampai dekat anda;

- apabila anda di luar, meliputi mulut dan hidung anda dengan sapu tangan, meninggalkan kawasan itu dengan cepat dan masuk ke dalam bilik yang kedap udara ataupun bergerak ke arah angin sakal.
- apabila anda di dalam rumah atau bangunan, hentikan kipas, tutupkan tingkap dan memeteraikan jurang tingkap dengan dinding.